

Cederakan orang lain gara-gara cemburu, lelaki kena lapan bulan

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di Kapit, semalam setelah mengaku bersalah menandatangani kecederaan terhadap orang lain gara-gara cemburu.

Mahkamah mengarahkan tertuduh, Aching Hemang, 31, menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh penjatuhan hukuman semalam.

Mengikut pertuduhan, Aching didakwa dengan sengaja menandatangani kecederaan parah terhadap seorang lelaki berusia 31 tahun di sebuah rumah Jalan Pelajau Jaya, Bukit Goram pada 30

Disember 2024, jam 3.30 petang.

Tertuduh yang dituduh mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan, didakwa menumbuk, menendang dan menghempuk kepala mangsa pada rangka pintu bilik, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah.

Seksyen 325 ini mempe-runtukan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan juga denda, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 30 Disember 2024 jam 8.30 malam, pengadu telah datang ke Balai Polis Kapit berkenaan suaminya iaitu

mangsa yang telah dipukul oleh tertuduh menggunakan alat tajam di hadapan rumah.

Siasatan kemudian mendapati mangsa telah dipukul tertuduh yang minum minuman keras semasa menyambut ketibaan Tahun Baharu 2025.

Mangsa telah dikejutkan dari tidur oleh tertuduh lalu ditumbuk di bahagian muka beberapa kali, ditendang di bahagian badan dengan menggunakan kaki dan kepala dihempuk pada rangka pintu bilik.

Laporan perubatan mendapati mangsa mengalami luka

di bibir bahagian bawah, kulit kepala sebelah kiri terbelah dan tengkorak kepala di sebelah kiri retak, selain luka pada beberapa bahagian badan.

Punca kejadian disebabkan tertuduh cemburu dengan mangsa kerana mangsa telah menggoda teman wanitanya semasa tengah malam menyambut ketibaan Tahun Baharu 2025 bersama di dalam rumah sebelum kejadian.

Selain itu, kejadian berlaku disebabkan tertuduh sangat marah apabila melihat mangsa berbaring bersama teman wanitanya berduadua di atas katil di dalam rumah tersebut.